

TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World 7 (2014): 97–130

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Hanīfah: Kajian terhadap *Wasiyyah Abī Hanīfah li Abī Yūsuf*

Mohd Anuar Mamat**

anuarmamat@um.edu.my

Wan Suhaimi Wan Abdullah***

wansuhaimi@ic.utm.my

Abstract

The rules of conduct for teachers (*ādāb al-‘ālim*) are among the important elements in the educational process. They are closely related to the efforts to realise quality education and effective teaching. This article presents five rules of conduct that should be practised by teachers as elaborated by Abū Hanīfah in his *Wasiyyah Abī Hanīfah li Abī Yūsuf*, apart from providing an introduction to and a background of the aforementioned *Wasiyyah* as his educational treatise. This study is to introduce this great work on Islamic education to solve current educational problems.

-
- * The article is the latest version taken from the paper presented at the “First Seminar on Islamic Research and Education (SePPIM ‘13)” at UTM, Skudai, from 17–18 September 2013. It is also a part of the author’s research findings titled, “Adab Guru dan Pelajar Menurut Abū Hanīfah: Suntingan Ilmiah, Terjemahan dan Analisis Siri Wasiyyah Abī Hanīfah,” funded by University of Malaya through the University of Malaya Research Grant (UMRG, RG400-12HNE) scheme.
- ** Ph.D., Lecturer, Islamic Education Programme, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur.
- *** Associate Professor, Centre for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIC), University of Technology Malaysia, Kuala Lumpur.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

Keywords:

Rules of conduct for teachers, Abū Ḥanīfah, Abū Yūsuf, *Wasiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, manuscript studies.

Pendahuluan

Para ulama Islam memberi perhatian yang serius terhadap bidang pendidikan melalui penghasilan pelbagai karya. Warisan karya agung mereka sepatutnya dijadikan panduan dalam merangka sistem pendidikan. Salah satu karya agung ini adalah wasiat Imām Abū Ḥanīfah berjudul *Wasiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf* yang membahaskan adab-adab yang sepatutnya dilazimi oleh para guru. Makalah ini menganalisis wasiat di atas dengan membincangkan pengenalan ringkas Abū Ḥanīfah dan Abū Yūsuf serta teks *Wasiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, selain menampilkan betapa sesetengah sumber penting dalam tradisi Islam masih lagi relevan sebagai panduan menyelesaikan masalah semasa. Diharapkan agar makalah ini dapat dimanfaatkan dalam menyelesaikan permasalahan adab dalam pendidikan yang agak meruncing dewasa ini.

Pengenalan Ringkas Abū Ḥanīfah dan Abū Yūsuf

Abū Ḥanīfah (w.767/150) ialah al-Nu‘mān bin Thābit bin Zuṭa bin Māh al-Taymī al-Kūfī, atau al-Nu‘mān bin Thābit bin al-Nu‘mān bin al-Marzubān. Kebanyakan sarjana Islam berpendapat bahawa beliau lahir pada tahun 699/80, semasa zaman Khalifah ‘Abd al-Malik bin Marwān dan meninggal dunia di Baghdād pada tahun 767/150, ketika berumur 70 tahun.¹ Sepanjang hidupnya, beliau menumpukan perhatian

1. Untuk maklumat lanjut mengenai biografi Imām Abū Ḥanīfah, lihat umpamanya, Ibn Sa‘d, *al-Tabaqāt al-Kubrā*, jil. 6 (Beirut: Dār Sādir, t.th.), 368–9; ‘Abd al-Rahmān bin Abū Hātim Muhammad bin Idrīs al-Rāzī, *al-Jarh wa al-Ta‘dil*, ed. Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir ‘Atā, jil.8 (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002), 513–5; ‘Abd Allāh

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

pada pengembangan ilmu-ilmu Islam, khasnya ilmu fiqh,² akidah,³ dan pendidikan.⁴ Beliau menghasilkan sebanyak 23

bin 'Udayy al-Jurjānī, *al-Kāmil fī Du'āfā' al-Rijāl*, ed. 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud, 'Alī Muhammad Mu'awwad dan 'Abd al-Fattāh Abū Sunnah, jil. 8 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 235–46; Abū 'Abdillah Husayn bin 'Ali al-Saymāri, *Akhbār Abī Ḥanīfah wa Ashābuhi*, (cet. ke-2, t.t.: 'Alam al-Kutub, 1985); Abu Yūsuf bin 'Abd Allāh bin 'Abd al-Barr al-Namīrī, *al-Intiqā' fī Fadā'il al-Thalāthah al-Aṣmāh al-Fuqahā'* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.th.); al-Mubārak bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Karīm al-Shaybānī, *al-Mukhtar min Maṇāqib al-Akhyār li Ibn Athīr*, ed. Māmūn al-Ṣāghirjī, 'Adnān 'Abd Rabbih & Muhammad Adib al-Jādir (UEA: Markaz Zāyid li al-Turāth wa al-Tārīkh, 2003), 87–105; Shams al-Dīn Ahmad bin Muhammad bin Abū Bakr ibn Khallikān, *Waṣayāt al-Āyān wa Anbā' Abnā' al-Zamān*, ed. Ihsān 'Abbās, jil. 5 (Beirut: Dār al-Thaqāfah, 1969), 405–15; Jamāl al-Dīn Abū al-Hajjāj Yūsuf al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl*, ed. Bāshshār 'Iwād Ma'rūf, jil. 29 (Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 2002), 418–45; Shams al-Dīn Muhammad bin Ahmad bin 'Uthmān al-Dhahabī, *Siyar al-A'lām al-Nubalā'*, ed. Shu'ayb al-Arnaut & Husayn Asad, jil. 6 (cet. ke-11, Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 1996), 390–403; idem, *al-Ibrāfi Khabar man Ghābar*, ed. Muḥammad al-Ṣā'īd Ibn Basyūnī Zaghlūl (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1985), 164–5; 'Abd Allāh bin As'ad bin 'Ali bin Sulaymān al-Yāfiī, *Mīrāt al-Jinān wa Ibrāt al-Yaqazān fī Ma'rifat ma Yu'tabar min Hawādīth al-Zamān*, ed. Khalil Mansūr, jil. 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 242–5; al-Muwaqqīf bin Ahmad al-Makkī, *Maṇāqib Abī Ḥanīfah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1981); Hāfiẓ al-Dīn bin Muhammad al-Kurdārī, *Maṇāqib Abī Ḥanīfah* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, 1981); Ahmad bin 'Ali bin Hajar Shihāb al-Dīn al-'Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, semakan Ibrāhīm Zaybāq & 'Adil Murshid, jil. 4 (Beirut: Mu'assasat al-Risālah, 2001), 229–31; 'Abd al-Hayy bin Ahmad bin Muhammad bin al-'Imād al-Hanbalī, *Shadharāt al-Dhahab fī Akhbār Man Dhahab*, ed. Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Atā, jil. 1 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 382–4; Th. W. Juynboll, *Dā'irat al-Ma'ārif al-Islāmiyyah*, terj. Ahmad al-Shintawī, Ibrāhīm Zaki Khurshid & 'Abd al-Hāmid Yūnus, jil. 1 (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1933), 330–31; J. Schacht, *The Encyclopedia of Islam*, jil. 1 (Leiden: E. J. Brill, 1979), l23–4; H.A.R Gibb dan J.H. Kramers, *Shorter Encyclopedia of Islam* (Leiden: E. J. Brill, 1974), 9–10.

2. Antara kajian-kajian berkaitan ketokohan Abū Ḥanīfah dalam bidang fiqh adalah: Muhammad Abū Zahrah, Abū Ḥanīfah: *Hayātuhū, wa Ḫasruhū wa Arā'uhū wa Fiqhuhū* (Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī, t.th.); dan Wahbī Sulaymān Ghawījī al-Albānī, *Abū Ḥanīfah al-Nūmān: Imām Aṣmāmat al-Fuqahā'* (Dimashq: Dār al-Qalam, 1978).
3. Antara kajian-kajian berkaitan ketokohan Abū Ḥanīfah dalam bidang akidah adalah: 'Ināyat Allāh Iblāgh, *al-Imām al-Āzam Abū Ḥanīfah al-Mutakallim* (t.t.: al-Majlis al-Āzālī li al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 1971).
4. Aymān Muḥammad 'Abd al-'Azīz, *al-Turāth al-Tarbawī fī al-Madh-*

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

karya utama dalam disiplin-disiplin di atas,⁵ termasuk dua karya penting dalam bidang pendidikan, iaitu: *al-Ālim wa al-Muta'allim*⁶ dan siri *Waṣīyyah Abī Hanīfah*.

Kesahihan penisbahan kesemua karya ini kepada Abū Hanīfah diakui oleh sejumlah ulama seperti al-Isfarāyīnī (w.1078/471) dan Hāfiẓ al-Dīn bin Muḥammad al-Kurdarī (w.1423/827).⁷ Al-Isfarāyīnī, umpamanya, mengatakan bahawa periyawatan karya-karya tersebut boleh dipercayai (*thiqah*), dengan jalan yang yakin dan rantaian sanad yang tepat (*sahih*).⁸ Di samping karya yang dihasilkan, Abū Hanīfah juga mempunyai murid yang begitu ramai sehingga mencapai 4000 orang.⁹ Antara mereka yang terawal dan paling rapat dengan

- hab al-Hanafī (Skandariyyah: Maktabat al-Ilm wa al-Imān, 2008), 10.
5. Lihat senarai karya beliau dalam Abū al-Faraj Muḥammad bin Abū Ya'qūb Ishaq al-Nadīm, *al-Fihrist*, ed. Yūsuf 'Alī Tawīl (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1996), 343; Muṣṭafā bin 'Abd Allāh Ḥāfiẓ Khalfīyah, *Kashf al-Zunūn* (Kaherah: Dār al-Fikr, 1982), 1437; Ismā'il Bāshā al-Baghdādī al-Bābānī, *Hadiyyat al-'Arifīn: Asmā' al-Mu'allafīn wa Athār al-Musannafīn*, jil. 2 (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1955), 495; Carl Brockelmann, *Tārīkh al-'Adab al-'Arabī*, terj. Mahmūd Fahmī Hijāzī (Kaherah: Hai'at al-Miṣriyyah al-'Ammah li al-Kitāb, 1993), 252; Fuat Sezgin, *Tārīkh al-Turāth al-'Arabī*, terj. Mahmūd Fahmī Hijāzī, jil. 1, juzu' 3 (t.t.: Idārat al-Thaqafah wa al-Nashr bi al-Jāmi'ah, 1983), 32.
 6. Mengenai karya pendidikan Abū Hanīfah dan analisis pemikiran pendidikan dalam kitab *al-Ālim wa al-Muta'allim*, lihat Mohd Anuar Mamat, "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Menurut Abū Hanifah al-Nu'man (w.150H/767M): Suntingan Ilmiah Kitab *al-Ālim wa al-Muta'allim*, Terjemahan dan Analisis" (Tesis Ph.D., Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012). Lihat juga Mohd Anuar Mamat & Wan Suhaimi Wan Abdullah, "Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran Abū Hanīfah dalam Kitab *al-Ālim wa al-Muta'allim*," AFKAR 11 (2010): 129–66.
 7. Lihat al-Kurdarī, *Manāqib*, 122.
 8. Abū al-Muzfir al-Isfarāyīnī, *al-Tabsīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqat al-Nājjiyah 'an Firqat al-Hālikīn*, ed. Muhammad Zāhid bin al-Hasan al-Kawtharī (t.t.: Matba'at al-Anwār, 1940), 113–4.
 9. 'Abd al-Qādir bin Abī al-Wafā Muḥammad bin Nuṣr Allāh bin Sālim Abū al-Wafā al-Qurashī, *al-Jawāhir al-Mudīyyah fī Tabaqāt al-Hanafiyah* (Karachi: Miz Kutub Khanah Aram Bagh, t.th.), 28; Taqī al-Dīn bin 'Abd al-Qādir al-Tamīmī al-Dārī, *al-Tabaqāt al-Saniyyah fī Tarājum al-Hanafiyah*, ed. 'Abd al-Fattāh Muḥammad al-Hilw (Riyad: Dār al-Rifa'i, 1983), 96.

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

beliau adalah Abū Yūsuf dan bertitik tolak daripada hubungan tersebutlah terdapat suatu pesanan yang disampaikan oleh Abū Ḥanīfah kepadanya setelah beliau layak diangkat sebagai guru dan menjalankan tugas pengajaran kepada masyarakat.

Abū Yūsuf (w.798/182) ialah Ya‘qūb bin Ibrāhīm bin Ḥabīb bin Sa‘d bin Ḥabtah al-Bajalī,¹⁰ dilahirkan di Kufah pada tahun 731/113 dan meninggal dunia di Baghdād.¹¹ Para ahli sejarah dan ulama Islam mengiktiraf bahawa beliau adalah salah seorang murid yang paling rapat dengan Abū Ḥanīfah dan melazimi pengajaran beliau selama 17 tahun dengan bersungguh-sungguh.¹² Kesungguhan beliau telah mendapat pengiktirafan daripada gurunya sendiri; dalam sebuah riwayat, Abū Ḥanīfah menyatakan “tiada seorang pun yang melazimi pengajaranku sebagaimana yang ditunjukkan oleh

10. Al-Saymārī, *Akhbār*, 98; Ibn ‘Abd al-Barr, *al-Intiqā’*, 172; Shams al-Dīn Muhammad bin Ahmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī, *Manāqib al-Imām Abī Hanīfah wa Sāhibiyah Abī Yūsuf wa Muhammād bin al-Hasan*, ed. Muhammad Zāhid bin al-Hasan al-Kawthārī (Kaherah: al-Maktabat al-Azharīyah li al-Turāth, 1999), 37 dan 47; al-Makkī, *Manāqib*, 345–7; al-Kurdārī, *Manāqib*, 389–90; Zayn al-Dīn Qutlubaghā, *Tāj al-Tarājum fī Tabāqāt al-Hanafīyah* (Baghdad: Matba‘at al-‘Anī, 1962), 81; al-Baghdādī al-Bābānī, *Hadiyyah*, 536; Ahmad al-Kiranawī, *Abū Ḥanīfah wa Ashābuḥ* (Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.th.), 95; Muhammad Zāhid al-Kawthārī, *Husn al-Taqādī fī Sīrat al-Imām Abī Yūsuf al-Qādī* (Kaherah: Maktabat al-Azharīyah li al-Turāth, 2002), 5–6; Khayr al-Dīn al-Zirkilī, *al-Aḥādīth*, jil. 10, (cet. ke-14, Beirut: Dār al-Ilm li al-Malāyīn, 1999), 193; Muhammad Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah: Hayātuḥu, wa Ḫasruḥu wa Arā’uḥu wa Fiqhuhu* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, t.th.), 173.
11. Al-Saymārī, *Akhbār*, 98 dan 108; Ibn ‘Abd al-Barr, *al-Intiqā’*, 173; al-Dhahabī, *Manāqib*, 37; al-Makkī, *Manāqib*, 465; al-Kurdārī, *Manāqib*, 390–2; Qutlubaghā, *Tāj al-Tarājum*, 81; al-Baghdādī al-Bābānī, 536; al-Kawthārī, *Husn al-Taqādī*, 6–7 dan 73–6; al-Zirkilī, *al-Aḥādīth*, 193; Abū Zahrah, 173.
12. Hal ini diceritakan sendiri oleh Abū Yūsuf bahawa beliau melazimi pengajaran Abū Ḥanīfah selama 17 tahun pada setiap masa, kecuali ketika beliau uzur dan sakit sahaja. Terdapat juga satu riwayat yang menyatakan bahawa beliau mewakilkan kepada kerabatnya untuk menguruskan pengebumian anaknya yang meninggal dunia kerana bimbang terlepas majlis pengajaran dan ilmu yang akan disampaikan oleh Abu Hanifah. Lihat ibn ‘Abd al-Barr, *al-Intiqā’*, 173; al-Saymārī, *Akhbār*, 100; al-Makkī, *Manāqib*, 472; al-Kurdārī, *Manāqib*, 394; dan al-Kawthārī, *Husn al-Taqādī*, 9 dan 17.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

Abū Yūsuf.”¹³ Eratnya hubungan beliau dengan Abū Ḥanīfah juga jelas sehingga beliau sendiri dalam kenyataannya memuji pengajaran Abū Ḥanīfah di samping gurunya yang lain. Abū Yūsuf mengatakan;

Tiada di dunia ini suatu majlis pengajaran yang lebih aku sukai selain daripada pengajaran Abū Ḥanīfah dan ibn Abī Laylā. Sesungguhnya aku tidak dapat seseorang yang lebih dalam ilmunya (*faqih*) selain daripada Abū Ḥanīfah dan tidak ada seorang qadi yang paling baik selain ibn Abī Laylā.¹⁴

Sebagaimana riwayat di atas, walaupun Abū Yūsuf sangat konsisten belajar dengan Abū Ḥanīfah, namun sebelum itu beliau juga melazimi pengajaran ibn Abī Laylā (w.763/146) yang juga merupakan salah seorang ulama di Kufah. Ini bukan bermakna guru beliau hanya dua orang sahaja, bahkan gurunya mencecah ratusan orang, khasnya daripada golongan tabi‘in, termasuk ‘Atā’ bin al-Sā’ib (w. 755/136), Yazīd bin Abī Ziyād (w. 754/137), Yahyā bin Sa‘īd (w. 760/143), Hishām bin ‘Urwah (w. 763/146), al-A‘mash (w. 765/148), Hajjaj bin Arta‘ah (w. 766/149) dan lain-lain lagi.¹⁵ Ini membuktikan wujudnya komitmen Abū Yūsuf yang tinggi dalam mencari ilmu daripada ulama yang muktabar pada zaman beliau.

Ketekunan sebegini jelas lagi kelihatan apabila Abū Yūsuf juga berhadapan dengan masalah kewangan semasa menuntut ilmu disebabkan beliau berasal daripada keluarga yang agak miskin. Namun, berkat usaha beliau yang gigih dan perhatian daripada gurunya Abū Ḥanīfah, beliau dapat menguasai segenap lapangan ilmu, khasnya berkaitan Tafsīr,

13. Al-Makkī, *Manāqib*, 472–3; al-Kurdarī, *Manāqib*, 394; dan al-Kawtharī, *Husn al-Taqādī*, 9 dan 17.
14. Al-Şaymārī, *Akhbār*, 100; al-Kawtharī, *Husn al-Taqādī*, 16.
15. al-Kawtharī, semasa membahaskan guru-guru Abū Yūsuf, menyenaraikan 103 orang guru beliau yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai lapangan. Lihat al-Kawtharī, *Husn al-Taqādī*, 17–8; juga al-Dhahabī, *Manāqib*, 37–8; dan al-Kiranawī, *Abū Ḥanīfah*, 95.

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

Hadīth, Uṣūl Fiqh, Fiqh dan Sejarah.¹⁶ Kisah ini diceritakan sendiri oleh beliau dan telah dinukilkan oleh sebahagian besar ahli sejarah semasa menjelaskan latar belakang Abū Yūsuf. Mengenai hal ini beliau menceritakan;

Dahulu ketika aku mempelajari Hadīth dan Fiqh, aku sangat miskin dan hina. Pada suatu hari, bapaku datang ketika aku berada di sisi (dalam pengajaran) Abū Hanīfah, [setelah itu] aku pun beredar bersamanya. Dia (ayahku) berkata: Wahai anakku, janganlah kamu selalu bersama dengan Abū Hanīfah, sesungguhnya beliau memakan roti bakar (merupakan golongan yang kaya) sedangkan kamu perlu bekerja untuk menyara kehidupan. Maka aku pun mengurangkan masa untuk belajar dan mendahulukan taat kepada bapaku [untuk bekerja]. [Setelah itu] Abū Hanīfah pun menyedari ketiadaanku, dan beliau bertanya tentang aku yang sering tidak menghadiri majlisnya. Tatkala kali pertama aku hadir semula, beliau [terus] bertanya: Kenapa kamu tidak hadir ke pengajian kami? Aku menjawab: Saya disibukkan dengan pekerjaan untuk menyara kehidupan dan mentaati bapa saya. Maka aku pun duduk. Apabila aku ingin beredar [pulang], Abū Hanīfah mengisyaratkan supaya aku [tetap] duduk, setelah semua orang pergi, beliau memberikan kepadaku uncang seraya berkata: Ambillah ini sebagai bantuan. Aku lihat di dalamnya terdapat seratus dirham, kemudian beliau berkata lagi: "Lazimilah majlis pengajian ini, apabila bekalan ini sudah habis beritahulah kepadaku semula." Maka [semenjak itu] aku selalu melazimi pengajaran beliau, dan apabila berlalu selang beberapa lama beliau memberikan kepada aku seratus dirham lagi. [Sebelum ini] aku tidak memberitahu beliau akan kepapaanku dan kekurangan [hartaku], tetapi seolah-olah beliau mengetahui hal tersebut,

16. Al-Saymārī, *Akhbār*, 99 dan 102; ibn ‘Abd al-Barr, *al-Intiqā’*, 173; al-Dhahabī, *Maṇāqib*, 40–2; al-Kurdārī, *Maṇāqib*, 396–9 dan 410–11; al-Kawtharī, *Husn al-Taqāḍī*, 14–6; dan al-Zirkīlī, *al-A’lām*, 193.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

sehingga aku merasa cukup dan berharta. Aku [terus] melazimi majlis pengajaran beliau dan sehingga sampai apa yang aku hajati. Allāh telah membuka kepadaku berkat sebagaimana Allāh membuka pintu ilmu dan harta kepadanya, maka Allāh memperelokkan sumbangan beliau kepadaku dan [semoga] Allāh mengampuni beliau.¹⁷

Ketokohan Abū Yūsuf dan sumbangan keilmuannya juga jelas terserlah dengan penghasilan sejumlah karya dan kejayaan para murid didikan beliau melakar kecemerlangan dalam segenap disiplin ilmu. Hal ini juga terbukti dengan pengiktirafan para ulama terkemudian yang menyatakan bahawa “jikalau tidak kerana Abū Yūsuf nescaya gurunya Abū Ḥanīfah tidak akan dikenali.”¹⁸ Penyataan ini timbul kerana Abū Yūsuf merupakan ulama pertama yang menghuraikan ilmu Uṣūl al-Fiqh berdasarkan pandangan Abū Ḥanīfah. Beliau juga antara murid Abū Ḥanīfah yang berusaha mencatat segala permasalahan yang dibincangkan oleh Abū Ḥanīfah dan seterusnya menyampaikannya sebagai suatu dasar hukum kepada mazhab Hanafi.¹⁹ Walaupun penyataan di atas menurut sesetengah pengkaji agak melampau dalam menzahirkan keunggulan Abū Yūsuf,²⁰ namun tidak dapat dinafikan bahawa peranan murid adalah besar dalam menyebarkan ilmu dan mengembangkan lagi asas yang digagaskan oleh guru mereka. Pernyataan sedemikian menjelaskan kepentingan hubungan guru-murid dalam

-
17. Al-Šaymārī, *Akhbār*, 99 dan 102; al-Dhahabī, *Maṇāqib*, 39–40; al-Makkī, *Maṇāqib*, 469–470; al-Kurdarī, *Maṇāqib*, 393; dan al-Kawtharī, *Husn al-Taqādī*, 8–9. Lihat juga Wahbī Sulaymān Ghāwījī al-Albānī, “al-Imām Abū Ḥanīfah,” dalam *Min A’lām al-Tarbiyyah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah*, jil. 1 (Riyadh: Maktab al-Tarbiyyah al-‘Arabī li Dual al-Khalij, 1988), 147.
 18. Al-Saymārī, *Akhbār*, 99; al-Kurdarī, *Maṇāqib*, 395; dan Qutlubaghā, *Tāj al-Tarājum*, 81.
 19. Qutlubaghā, *Tāj al-Tarājum*, 81; al-Kiranawī, *Abū Ḥanīfah*, 95; dan al-Zirkili, *al-A’lām*, 193.
 20. Lihat komentar al-Kawtharī dalam al-Dhahabī, *Maṇāqib*, 42; juga al-Kawtharī, *Husn al-Taqādī*, 16.

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

pendidikan dan penyebaran serta perkembangan ilmu, baik jika diterima dalam bentuknya sedia ada, mahupun jika ditanggap secara berlawanan dalam bentuk “jika tidak kerana Abū Ḥanīfah, nescaya Abū Yūsuf juga tidak akan dikenali.”²¹

Antara karya-karya yang dihasilkan oleh Abū Yūsuf adalah *Kitab al-Āthār*,²² *Ikhtilāf Abī Ḥanīfah wa Ibn Abī Laylā*,²³ *al-Radd ʻAlā Siyar al-Awzaʻī*,²⁴ *al-Kharaj*,²⁵ *Kitāb al-Šolāt*, *Kitāb al-Ζakāt*, *Kitāb al-Σiyām*, *Kitāb al-Farāʻid*, *Kitāb al-Buyūʻ*, *Kitāb al-Hudūd*, *Kitāb al-Wakālah*, *Kitāb al-Waṣāyā*, *Kitāb al-Sayd wa al-Dhabāʻiḥ*, *Kitāb al-Ghasb wa al-Istibrā'*,²⁶ *Kitāb Ikhtilāf al-Amsār*; *Kitāb al-Radd ʻAlā Mālik bin Anas*, *Adab al-Qāḍī*, *Mabsūt fi al-Far*,²⁷ dan *Kitāb al-Jawāmi'*.²⁸ Selain itu, Abū Yūsuf juga mempunyai murid yang agak ramai sehingga mencakah ratusan orang.²⁹ Antara murid beliau yang masyhur

21. Al-Dhahabī, *Manāqib*, 42.
22. Kitab ini diriwayatkan oleh anak Abū Yūsuf, iaitu Yūsuf bin Abī Yūsuf, dan banyak memuatkan pandangan Abū Ḥanīfah dan juga hadith yang diriwayatkan oleh Abū Ḥanīfah daripada para tābiʻīn, Sahabat sehingga Nabi s.a.w. Kitab tersebut juga boleh dikatakan sebagai kitab kompilasi hadith yang dikenali sebagai “*Musnad*.” Lihat Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah*, 176.
23. Kitab yang diriwayatkan oleh Muhammad bin Abī Yūsuf ini merupakan kumpulan permasalahan yang dalam pemerihalannya berlaku perbezaan antara dua orang guru Abū Yūsuf, iaitu, Abū Ḥanīfah dan ibn Abī Laylā. Lihat Abū Yūsuf Ya‘qub bin Ibrahīm, *Ikhtilaf Abī Ḥanīfah wa Ibn Abī Laylā* (Hyderabad: Matba‘at al-Wafā’, 1357H). Lihat juga Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah*, 177.
24. Kitab ini mengandungi kritikan, penolakan dan jawapan Abū Yūsuf terhadap permasalahan yang menjadi perbezaan pendapat antara Abū Ḥanīfah dan al-Awzaʻī, khasnya mengenai hukum peperangan (*hurūb*) dan segala perkara yang berkait dengannya, seperti hukum perdamaian, tawanan, harta rampasan dan sebagaimana. Lihat Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah*, 180.
25. *Al-Kharaj* ialah satu risalah yang ditulis oleh Abū Yūsuf atas permintaan Khalifah al-Rashid. Kitab ini membincangkan hukum-hukum berkaitan kewangan dan percuakaian, dan merupakan kitab yang paling baik dalam bidang terbabit. Lihat al-Kawtharī, *Husn al-Taqādī*, 31–2; dan Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah*, 174.
26. Dinyatakan sebagai *al-Ghasb wa al-Istibdā'* dalam al-Baghdādī al-Bābānī, *Hadiyyah*, 536.
27. Kitab ini juga dikenali sebagai *al-Atl*. Lihat ibid.
28. Ibid.; al-Kawtharī, *Husn al-Taqādī*, 32; al-Zirkilī, *al-Aṣlām*, 193.
29. Mengenai hal ini, al-Kawtharī hanya menyenaraikan seramai 98

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

ialah Muḥammad bin al-Hasan al-Shaybānī (w. 804/189), Yahyā bin Maṭīn (w. 844/230), Ibn Sammā‘ah (w. 847/233), Bishr bin al-Walīd (w. 852/238) dan Ahmād bin Ḥanbal (w. 855/241).³⁰ Dengan keilmuan dan keahlian yang dimiliki olehnya,³¹ beliau dilantik sebagai ketua hakim dan merupakan ulama pertama yang diberi gelaran “Qādī al-Quḍāh.”³² Beliau menjawat jawatan tersebut bermula zaman pemerintahan al-Mahdī, al-Hādī dan berakhir pada zaman Hārun al-Rashīd.³³ Semasa Abū Yūsuf memegang jawatan tersebut beliau amat dikenali dengan sikap adil dalam setiap keputusan dan sangat dimuliakan dan dihormati oleh segenap lapisan masyarakat sama ada rakyat ataupun pemerintah.³⁴

Karya Abū Ḥanīfah tentang Pendidikan: *Wasiyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*

Sebagaimana yang telah dinyatakan, terdapat 23 karya utama yang dinisbahkan kepada Abū Ḥanīfah, termasuk beberapa karya dengan nama yang sama, iaitu *Wasiyyah*. *Wasiyyah* merujuk kepada pesanan yang disampaikan oleh Abū Ḥanīfah kepada para pelajarnya sama ada secara khusus ataupun umum. Antara karya Abū Ḥanīfah yang bertajuk

orang murid Abū Yūsuf yang belajar dengannya secara langsung. Al-Kawtharī sendiri seterusnya menyatakan terdapat ramai lagi murid beliau yang tidak disenaraikan dalam penulisan beliau itu. Lihat al-Kawtharī, *Husn al-Taqādī*, 21–2.

30. Al-Dhahabī, *Manāqib*, 39; dan al-Kiranawī, *Abū Hanīfah*, 95.
31. Lebih lanjut mengenai ketokohan Abū Yūsuf dalam pelbagai lapanan, lihat pelbagai riwayat yang dikumpulkan oleh al-Kawtharī tentang pujian ulama terhadap beliau. Lihat al-Kawtharī, *Husn al-Taqādī*, 27–31.
32. Qutlubaghā, *Tāj al-Tarājum*, 81; al-Kiranawī, *Abū Hanīfah*, 95; al-Zirkili, *al-A'īm*, 193; Abū Zahrah, *Abū Hanīfah*, 174.
33. Ibn ‘Abd al-Barr, *al-Intiqā'*, 173; al-Dhahabī, *Manāqib*, 39; Qutlubaghā, *Tāj al-Tarājum*, 81; al-Zirkili, *al-A'īm*, 193; dan Abū Zahrah, *Abū Hanīfah*, 173.
34. Ibn ‘Abd al-Barr, *al-Intiqā'*, 173; dan Abū Zahrah, *Abū Hanīfah*, 173. Lihat banyak riwayat tentang hal ini yang dinukilkan dalam al-Makkī, *Manāqib*, 503–6; dan al-Kurdarī, *Manāqib*, 409–18.

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

Wasiyyah adalah *Wasiyyah Abū Hanīfah li Ibnihi Hammad*,³⁵ *Wasiyyah Abū Hanīfah ilā Tilmīdihī Yūsuf bin Khālid al-Samīt al-Baṣrī*,³⁶ dan *Wasiyyah Abī Hanīfah fi al-Tawhīd* (kadangkala pengkaji hanya menyebut *Wasiyyah* sahaja).³⁷

35. Risalah ini adalah wasiat Abū Hanīfah kepada anaknya Hammād dan telah dihuraikan oleh Uthmān bin Muṣṭafā dalam karya bertajuk *Zādat al-Nasā’iḥ*. Untuk maklumat dan sedikit ulasan terhadap risalah ini, lihat Brockelmann, *Tārikh al-Adab*, 261; dan Sezgin, *Tārikh al-Turāth*, 48.
36. Teks wasiat ini telah dikemukakan dalam al-Kurdarī, *Manāqib*. Meskipun edisi yang telah disunting dan dicetak belum lagi penulis temui, manuskrip risalah ini telah ditemui oleh penulis di Suleymaniyya Kütuphansi, Istanbul, dalam koleksi manuskrip Asir Afendi, no. 437, folio 8A–9A. Untuk maklumat dan sedikit ulasan terhadap wasiat ini, lihat al-Kurdarī, *Manāqib*, 360–3; Brockelmann, *Tārikh al-Adab*, 261; dan Sezgin, *Tārikh al-Turāth*, 48.
37. *Wasiyyah* ini juga dikenali dengan beberapa nama lain seperti *Wasiyyah fi al-Tawhīd*, *Wasiyyah fi Marādīh* dan juga *Risalah Naqīrū*. Walaupun wujud pelbagai nama yang berbeza tetapi kandungannya sama, khasnya setelah penulis berpeluang melihat manuskrip asal *Wasiyyah* ini di Istanbul dan Kaherah. Awalnya teks *Wasiyyah* dimulikan sepuhnya oleh Taqī al-Dīn ‘Abd al-Qādir dalam karyanya bertajuk *al-Tabaqāt al-Sāniyyah fi Tarājum al-Hanafiyah*. Setelah itu, al-Kawtharī pula menyunting dan menerbitkannya bersama karya Abū Hanīfah yang lain. Selain itu, *Wasiyyah* juga telah dicetak dan diterjemah ke dalam Bahasa Inggeris oleh A. J. Wensick bersama dua karya Abū Hanīfah yang lain dalam bukunya *The Development of Muslim Creed*. *Wasiyyah* ini juga telah dihuraikan oleh empat orang sarjana Islam, iaitu: Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Bābārtī dalam *Sharh Wasiyyah Abī Hanīfah*; Mulla Husayn bin Iskandar al-Hanafi dalam *al-Jawāhir al-Munīfah fi Sharh Wasiyyah Abī Hanīfah*; Imām al-Husūnī dalam *Zuhūr al-‘Atīyyah*; dan Nūr al-Dīn Ibrāhīm bin Hasan Afendi al-Uṣkudrāwī dalam *Khulāsat al-Usūl*. Lihat al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Sāniyyah*, 156–60; Abū Hanīfah, “Wasiyyah,” dalam *al-Ālim wa al-Muta’allim*, ed. Muhammed Zāhid al-Kawtharī (Mesir: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2001), 76–9; A. J. Wensick, *The Muslim Creed: Its Genesis and Historical Development* (London: Frank Crass & Co. Ltd, 1965), 25–187; Akmal al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad al-Bābārtī, *Sharh Wasiyyah Abī Hanīfah*, ed. Muhammed Shubhī al-‘Ayidī dan Hamzah Muhammed Wāsim al-Bakrī (Urdu: Dār al-Fath li’l-Dirāsat wa al-Nashr, 2009). Lihat juga Mohd Anuar Mamat, Basri Husin, dan Mohd Manawi Mohd Akib, “Prinsip-Prinsip Ahli Al-Sunnah dan al-Jama‘ah: Pengenalan dan Terjemahan Melayu Wasiyyah Imām Abū Hanīfah,” kertas kerja sisipan Seminar Kebangsaan Pemikiran Islam II, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 20–21 Julai 2010.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

Kesemua *Wasiyyah* tersebut merupakan untaian nasihat beliau kepada anak dan pelajarnya setelah mereka tamat pengajian dalam tempoh waktu tertentu dan berhasrat untuk pulang ke negara masing-masing. Kandungannya berkisar tentang adab guru dan pelajar, tujuan pendidikan, dan tatacara pergaulan dengan masyarakat. Hanya *Wasiyyah Abī Hanīfah fi al-Tawḥīd* sahaja yang membincangkan persoalan akidah dan prinsip-prinsip Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah secara langsung dan khusus.

Sebagaimana yang disebut pada awal perbincangan tadi, siri *Wasiyyah Abī Hanīfah* ini dan kitab *al-Ālim wa al-Muta‘allim* merupakan dua karya Abū Ḥanīfah dalam bidang pendidikan.³⁸ Kitab *al-Ālim wa al-Muta‘allim* membincangkan tujuan dan kaedah pendidikan, manakala aspek adab guru mahupun pelajar tidak banyak disentuh. *Wasiyyah Abī Hanīfah* pula mengemukakan pesanan yang menjurus kepada adab-adab guru dan juga murid bagi menjamin kejayaan mereka yang mengajar dan belajar. Daripada sejumlah *Wasiyyah Abī Hanīfah* ini, *Wasiyyah Abī Hanīfah li Abī Yūsuf* memuatkan pesanan Abū Ḥanīfah yang menyeluruh dan dikhaskan kepada para guru. Hal ini berbeza dengan *Wasiyyahnya* yang lain yang banyak menyentuh perihal adab pelajar. Justeru kerana kandungannya yang demikian itu, *Wasiyyah Imām Abī Hanīfah li Abī Yūsuf* ini amat sesuai dianalisis demi mengemukakan suatu kajian tentang adab-adab guru.

Sebagaimana yang jelas tertera pada tajuknya, *Wasiyyah Imām Abī Hanīfah li Abī Yūsuf* berupa pesanan *Abū Hanīfah* kepada pelajarnya *Abū Yūsuf*. *Wasiyyah* ini telah disepakati oleh sejumlah sarjana Islam yang berwibawa sebagai karya *Abū Hanīfah*. Mereka bukan sahaja mengesahkan kewujudan karya ini, bahkan turut menukilkannya dalam karyakarya mereka. Antara tokoh yang memperakui kesahihan nisbah-hubungan karya ini dan menuatkannya adalah al-

38. Lihat Mohd Anuar Mamat, “Ketokohan Imām Abū Hanīfah dalam Bidang Pendidikan,” *Jurnal Tamadun* 8, no. 2 (2013): 1–13.


Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

Muwaffaq al-Makkī (w. 1190/586), al-Kurdarī (w. 1423/827), Ibn Nujaym (w. 1562/970) dan Taqī al-Dīn bin ‘Abd al-Qādir (w. 1601/1010).³⁹ Kesahihan nisbah karya ini juga terbukti dengan kewujudan sejumlah manuskrip yang masih lagi tersimpan di pelbagai perpustakaan utama dunia, seperti Suleymaniyyah Kutuphansi di Istanbul, Dār al-Kutub al-Miṣriyyah di Kaherah, R. Univ. Bibliotheek di Leiden, dan lain-lain lagi.⁴⁰

Dalam menyiapkan kajian ini penulis berjaya mendapatkan dua naskhah manuskrip sebagai sumber utama teks di samping nukilan daripada para sarjana Islam yang dinyatakan di atas. Manuskrip pertama diperolehi daripada Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, Bāb al-Khalq, Kaherah, bernombor 39927, yang diletakkan di bawah kategori Ilmu Kalam. Ia terdiri daripada 8 folio (a-b) dan secara umumnya berada dalam keadaan yang baik, lengkap, lagi terang dan jelas tulisannya. Pada muka hadapan manuskrip ditulis tajuk secara jelas “*Hādhihi Waṣiyyah Imām Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*” dan terdapat cop mohor padanya. Setiap bahagian manuskrip mengandungi 17 baris manakala setiap baris mengandungi lebih kurang lapan patah perkataan. Pada tepi bahagian pertama manuskrip dicatat perkataan pertama bahagian kedua sebagai kesinambungan teks (*ta’qibiyah*). Selain itu, pada sebelah tepi manuskrip ini hanya terdapat dua catatan yang merujuk kepada catatan pembetulan daripada penyalin manuskrip.

-
39. Lihat al-Makkī, *Manāqib*, 370–8; al-Kurdarī, *Manāqib*, 365–70; Zayn al-Dīn bin Ibrāhīm ibn Nujaym, *al-Ashbāh wa al-Ñažār* (Kaherah: Mu’assasat al-Halabi, 1968), 428–34; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 160–9.
 40. Untuk melihat senarai manuskrip tersebut berserta nombor panggilannya, lihat Brockelmann, *Tārīkh al-Adab*, 257; dan Sezgin, *Tārīkh al-Turāth*, 48.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130



Gambar 1: Muka Depan Manuskrip Kaherah

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah




Gambar 2: Halaman Pertama Manuskrip Kaherah

Manuskrip kedua pula diperolehi daripada Suleymaniyyah Kutuphansi, Istanbul, dalam koleksi Fatih 1470-1. Ia terdiri daripada 4 folio (a-b) sahaja bermula 000125 hingga 000128. Manuskrip Fatih ini berkeadaan baik dan lengkap, selain memiliki tulisan yang terang dan jelas. Pada muka hadapan manuskrip ditulis dengan dakwat berwarna merah “*Hādhā Kitāb Nuqirru*.” Penyalin manuskrip ini menyebut judul kitab ini sebagai *Kitāb Nuqirru* yang merupakan judul lain bagi *Wasiyyah Abī Hanīfah fi al-Tawhīd* sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Penelitian terhadap teks dan kandungannya menunjukkan bahawa manuskrip ini sebenarnya bukan *Wasiyyah Abī Hanīfah fi al-Tawhīd* tetapi ialah *Wasiyyah Imām Abī Hanīfah li Abī Yūsuf*. Setiap

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

bahagian manuskrip mengandungi lebih kurang 17 baris manakala setiap baris mengandungi 11 patah perkataan; pada tepi bahagian pertama pula dicatat perkataan pertama bahagian kedua sebagai kesinambungan teks (*ta'qibiyah*).



Gambar 3: Halaman Pertama Manuskrip Fatih, Istanbul

Wasiyyah Imām Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf ini memuatkan pesanan yang berharga daripada seorang guru kepada muridnya. Abū Ḥanīfah menjelaskan tatacara bergaul dan berinteraksi dengan manusia supaya muridnya Abū Yūsuf secara khas dan para guru atau pelajar terkemudian secara amnya berjaya mendidik dan menyampaikan ilmu kepada para murid mereka dengan adab yang tepat.⁴¹ Selain itu, ia

41. Al-Kawtharī, *Husn al-Taqādī*, 77.

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

juga mengandungi pelbagai pendapat, kata-kata hikmah yang sangat berguna serta adab yang unggul kepada sesiapa yang menelitinya (*tadabbur*).⁴² Walaupun teks *Waṣīyyah* ini agak ringkas, ia mengandung maksud yang amat mendalam dan menyeluruh. Abū Ḥanīfah menggariskan banyak peraturan dan adab sebagai seorang guru dan pelajar dan tatacara berhadapan dengan pelbagai lapisan masyarakat, umpamanya golongan awam, golongan berilmu, golongan jahil, dan juga para pembesar kerajaan dan pemerintah. Dalam perbincangan seterusnya akan dikemukakan beberapa adab guru yang dinyatakan oleh Abū Ḥanīfah dalam teks ini sebagai panduan kepada guru dalam mendidik para pelajar untuk mencapai tujuan sebenar pendidikan Islam.

Adab-adab Guru dalam *Waṣīyyah Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*

Guru merupakan personaliti yang paling penting dan berpengaruh dalam usaha menjayakan pencapaian matlamat dan tujuan pendidikan. Berdasarkan kepentingan ini, para sarjana Islam, khasnya Abū Ḥanīfah, memberi perhatian serius terhadap adab-adab yang sepatutnya dilazimi oleh seseorang guru. Ini jelas daripada pesanan beliau kepada muridnya yang paling akrab iaitu Abū Yūsuf. Pada awal teks *Waṣīyyah Imām Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf*, para pengkaji dan penukil teks tersebut bersepakat menyatakan bahawa pesanan ini disampaikan setelah Abū Ḥanīfah melihat Abū Yūsuf telah mencapai tahap keilmuan yang tinggi dan mampu memegang jawatan sebagai guru,⁴³ iaitu saat yang sesuai untuk menyampaikan pesanan kepadanya agar sentiasa melazimi adab-adab tersebut dalam pendidikan. Pesanan ini amat sesuai dibahas dan diketengahkan sebagai panduan kepada para guru.

42. Al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 160.

43. Al-Makkī, *Manāqib*, 370; al-Kurdānī, *Manāqib*, 365; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 428; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 161.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

Makalah ini mengemukakan lima adab utama yang penting dan ditekankan oleh Abū Ḥanīfah kepada muridnya Abū Yūsuf, merangkumi adab guru terhadap diri sendiri sebagai seorang guru, adab terhadap ilmu, adab terhadap murid, serta adab terhadap para guru terdahulu. Adab-adab ini diketengahkan oleh Abū Ḥanīfah dalam *Wasiyyah* ini secara langsung dan juga dalam beberapa karya serta riwayat lain daripada beliau.

Sentiasa mengambil peluang untuk belajar dan beristiqamah dalamnya

Adab pertama yang disebut oleh Abū Ḥanīfah adalah bahawa seseorang guru itu hendaklah sentiasa mengambil peluang mempertingkatkan ilmu dalam bidang yang diceburi, khasnya ilmu yang berkaitan agama. Mereka juga perlu memperuntukkan waktu yang khusus untuk menuntut ilmu agar waktu pembelajarannya itu tidak terganggu. Abū Ḥanīfah juga menyarankan agar para guru berusaha memenuhi masa muda dan masa lapang dengan peningkatan ilmu. Ini kerana belajar pada usia muda dan ketika lapang serta semasa jiwa masih kosong daripada perkara yang menyibukkan akan membawa kefahtaman yang lebih cepat dan mendalam. Abū Ḥanīfah berpesan kepada Abū Yūsuf:

واطلب العلم أولاً ثم اجمع المال من الحلال ثم ترُوْج،
فإنما إن طلبت المال في وقت التعلم عجزت
عن طلب العلم، ودعالك المال إلى شراء الجواري
والغلمان، وتشتغل بالدنيا والنساء قبل تحصيل العلم
فيضيئ وقت، ويجمتع عليك الولد وبكثير عيالك فتحتاج
إلى القيام بمصالحهم وتركك العلم، وتشتغل بالعلم أيام
شبابك وقت فراغ قلبك وخاطرك، ثم اشتغل
بالمال ليجتمع عندك، فإن كثرة الولد والعيال يشوش
البال، فإذا جمعت المال فترُوْج، وعليك بتنقى الله
تعالى وأداء الأمانة والنصحية لجميع الخاصة وال العامة.

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

Hendaklah kamu menuntut ilmu terlebih dahulu, kemudian kumpulkan harta daripada [sumber] yang halal, dan barulah kamu berkahwin. Sesungguhnya jika kamu mencari harta ketika belajar, [nescaya] kamu lemah daripada menuntut ilmu, dan harta [pula] akan mendorong kamu membeli hamba-hamba perempuan dan budak suruhan, kamu juga akan disibukkan dengan dunia dan perempuan sebelum kamu memperolehi ilmu, maka ia akan mensia-siakan waktumu, seterusnya anak-anak akan berhimpun bersamamu dan semakin ramai ahli keluargamu, maka kamu perlu memenuhi keperluan mereka dan [dengan itu] kamu akan meninggalkan ilmu (pengajian). Hendaklah kamu sibuk (*yashtaghil*) dengan ilmu (belajar) ketika usia mudamu (*ayyām shabābāka*) dan ketika hati dan perasaanmu [masih] kosong (*sarāgh qalbika wa khātirika*), kemudian sibukkanlah [pula dirimu] dengan menghimpunkan harta, sesungguhnya [mempunyai] anak dan ahli keluarga yang ramai akan menyerabutkan fikiran (*yushawreish al-bāl*). Apabila kamu telah menghimpunkan harta maka hendaklah kamu berkahwin dan lazimlah bertaqwa kepada Allāh Ta’āla, menunaikan amanah dan [memberi] nasihat kepada semua golongan; yang khas dan umum.⁴⁴

Dalam konteks ini, Abū Ḥanīfah turut menjelaskan bahawa beliau mencapai tahap keilmuan yang tinggi dengan memperkuatkan semangat untuk belajar (*jam‘ al-himām*) dan mengurangkan beberapa gangguan dalam menuntut ilmu.⁴⁵ Dua perkara ini amat penting kepada para guru untuk meningkatkan ilmu dan kepakaran mereka. Semangat yang kental perlu ada pada seorang guru supaya halangan dalam belajar dapat diatasi. Abū Ḥanīfah berpesan: “... hendaklah kamu menjadi orang yang [mempunyai] semangat yang teguh

44. Al-Makkī, *Manāqib*, 372; al-Kurdarī, *Manāqib*, 366; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 429–30; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 162–3.

45. Al-Makkī, *Manāqib*, 352.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

(*dhā himmah*), kerana sesungguhnya sesiapa yang lemah semangatnya, nescaya rendahlah kedudukannya.”⁴⁶

Di samping itu, Abū Hanīfah juga menjelaskan bahawa usaha meningkatkan ilmu dan istiqamah dalam belajar ini penting kerana orang yang berpaling dan enggan terus belajar seolah-olah mereka berpaling daripada mengingati Allāh. Ini akan menyebabkan kehidupan mereka terasa sempit dan tidak mendapat keberkatan daripada-Nya. Abū Hanīfah menyebut:

وَإِنْ بَقِيَتْ عَشْرُ سَنِينَ بِغَيْرِ كَسْبٍ وَلَا قُوَّةٍ، فَلَا
تَعْرُضْ عَنِ الْعِلْمِ، إِنَّمَا أَعْرَضَ عَنْهُ كَانَتْ
مَعِيشَتُكَ ضِنْكًا عَلَى مَا قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَمَنْ أَعْرَضَ
عَنِ ذِكْرِي فَإِنَّ لَهُ مَعِيشَةً ضِنْكًا... إِلَيْهِ.

[Walaupun] sekiranya kamu hidup selama sepuluh tahun tanpa sebarang kerja dan makanan (*bi ghayr kasb wa lā qīt*), maka jangan kamu berpaling [enggan] daripada ilmu (belajar) kerana sesungguhnya jika kamu berpaling daripadanya nescaya hidupmu akan sempit, [ini] berdasarkan firman Allāh Ta‘āla: “Barangsiapa yang berpaling daripada mengingati-Ku maka sesungguhnya bagi-nya kehidupan yang sempit.”⁴⁷

Berdasarkan petikan ini, Abū Hanīfah menekankan bahawa seorang guru walaupun telah mencapai tahap tertentu dalam bidang ilmu, mereka perlu meningkatkan lagi ilmu tersebut dengan sentiasa istiqamah dalam belajar walaupun mereka terpaksa mengorbankan harta dengan tidak mendapat apa-apa habuan kebendaan.

Penekanan Abū Hanīfah terhadap ilmu ini adalah kerana ilmu dan kefahaman yang mendalam adalah antara

46. Al-Makkī, *Manāqib*, 372; al-Kurdarī, *Manāqib*, 366; Ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 429–30; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 162–3.

47. *Tāhā* (20): 124; al-Makkī, *Manāqib*, 372; al-Kurdarī, *Manāqib*, 367; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 430; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 163.

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

tujuan utama pendidikan dalam Islam.⁴⁸ Bagaimana seorang guru boleh menyampaikan pengajaran dengan baik jika mereka tidak mempunyai ilmu yang sempurna? Di samping itu, Abū Ḥanīfah menganggap belajar dan istiqamah dalam mencari ilmu itu menyamai zikir atau mengingati Allāh. Ini kerana ilmu dan pencarinya akan mendekatkan diri seseorang itu kepada Allāh dan adalah sama seperti zikir dan ibadat. Oleh itu, mereka yang enggan mencari ilmu seolah-olah sama seperti mereka yang mengabaikan zikir dan enggan mengingati Allāh dan ini akan mengundang kehidupan yang sempit.

Bahkan dalam sebuah riwayat Abū Ḥanīfah pernah berpesan kepada Ibrāhīm bin Adham (w. 778/162) supaya memberi perhatian terhadap pencarian ilmu, kerana ilmu umpsama kepala kepada ibadat. Beliau mengatakan:

Wahai Ibrāhīm, sesungguhnya kamu diberi rezeki dengan ibadat yang soleh, maka jadikanlah ilmu sebagai perhatian kamu, sesungguhnya ilmu itu seumpama kepala dalam ibadat dan akan membentukkan urusan kamu (iaitu kualiti amalan kamu).⁴⁹

Jelas di sini bahawa penuntutan ilmu dan keistiqamahan dalam belajar merupakan adab yang perlu diberi perhatian oleh para guru. Ia menyamai suatu ibadat dan pencarinya merupakan penzahiran ingatan seseorang akan Allāh dan penghampiran dirinya kepada-Nya. Tambahan lagi, jika dilihat dalam konteks semasa, perkembangan pesat ilmu dan kerencaman masalah yang dihadapi oleh *ummah* mendesak seseorang guru itu agar sentiasa berusaha menuntut pelbagai ilmu baharu dan kefahaman yang lebih komprehensif sesuai dengan tuntutan zaman.

48. Lihat Mohd Anuar, “Tujuan Pendidikan”; dan juga Mohd Anuar dan Wan Suhaimi, “Tujuan Pendidikan dan Kaedah Pengajaran,” 129–66.

49. Al-Makkī, *Manāqib*, 350.

Berusaha untuk meningkatkan amalan

Adab kedua yang dinyatakan oleh Abū Ḥanīfah adalah sentiasa berusaha meningkat amalan dan ibadat. Di samping menekankan peningkatan ilmu, beliau juga berpesan supaya Abū Yūsuf sentiasa memperhatikan amal ibadahnya dan berusaha mencapai amalan yang berkualiti dan ikhlas. Ini kerana selain memperolehi ilmu, Abū Ḥanīfah menjelaskan bahawa meningkat kualiti amalan atau, dengan kata lain, amalan yang ikhlas dan terbaik itu juga adalah antara tujuan pendidikan. Al-Zarnūjī (w. 1223/620)⁵⁰ menukilkan bahawa Abū Ḥanīfah menegaskan “tidak ada ilmu melainkan untuk beramal dengannya.”⁵¹ Dengan ini, amalan menjadi perhatian utama Abū Ḥanīfah dalam pesanan beliau kepada Abū Yūsuf:

وَلَا ترْضَ لِنفْسِكَ مِنِ الْعَبَادَاتِ إِلَّا بِأَكْثَرِ مَا يَفْعُلُهُ
غَيْرُكَ وَيَتَعَاطَاهَا، فَالْعَالَمَةُ إِذَا لَمْ يَرَوْ مِنْكَ الْإِقْبَالَ عَلَيْهَا
بِأَكْثَرِ مَا يَفْعُلُونَ؛ اعْتَقُوا فِيلَ قَلْةَ الرَّغْبَةِ، وَاعْتَقُدُوا أَنَّ
عَلْمَ لَا يَنْفَعُ إِلَّا مَا نَفَعَهُمُ الْجَهَلُ الَّذِي هُمْ فِيهِ.

Jangan kamu reda untuk dirimu dari segi ibadat melainkan [kamu melakukannya dengan] lebih banyak daripada ibadat yang dilakukan oleh orang lain dan saling berlumba-lumba [melakukan]nya (yata‘ātāhā). Maka orang awam, apabila mereka tidak melihat kamu melakukan ibadat dengan [jumlah] yang lebih banyak berbanding ibadat yang

50. Dikenali sebagai Burhān al-Islām al-Zarnūjī, beliau seorang tokoh yang membincangkan permasalahan pendidikan secara komprehensif melalui karya beliau *Ta’līm al-Muta’allim Tarīq al-Ta’allum*. Untuk maklumat lanjut mengenai pemikiran pendidikan beliau, lihat Sayyid Ahmad ‘Uthmān, *al-Ta’allum ‘inda Burhān al-Islām al-Zarnūjī* (Kaherah: Maktabah Anglo, 1989); dan Wan Suhaimi Wan Abdullah, “Falsafah Pengajaran dan Pembelajaran dalam Islam: Sua-tu Analisis Karya al-Zarnūjī,” *Jurnal AFKAR* 3 (2002):165–86.
51. Burhān al-Dīn al-Zarnūjī, *Ta’līm al-Muta’allim Tarīq al-Ta’allum, Dirāsah wa Tahqīq Muṣṭafā ’Ashūr* (Būlāq: Kaherah, 1986), 32; dan Ismā’īl bin ‘Uthmān bin Bakr bin Yūsuf al-Bazari, *Taṣlīm al-Mu-ta’fahhim Sharḥ Ta’līm al-Muta’allim* (Daghastan: Dār al-Risālah, t. th.), 52.

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

mereka lakukan, nescaya mereka beranggapan bahawa kamu kurang keinginan [dalam melakukan ibadah], dan juga mereka beranggapan bahawa ilmu kamu tidak memberi manfaat kepadamu melainkan [hanya] bermanfaat kepada mereka yang berada dalam kejihilan [sahaja].⁵²

Di sini Abū Ḥanīfah menyarankan kepada Abū Yūsuf supaya berusaha melakukan dan mempertingkatkan amal ibadat melebihi apa yang dilakukan oleh orang awam. Para guru patut memerhatikan amal ibadat mereka dan bermujahadah dalam persoalan ini kerana sekiranya mereka tidak memberi perhatian terhadap amalan maka, sebagaimana yang turut dijelaskan oleh Abū Ḥanīfah, masyarakat akan berpandangan buruk terhadap guru itu sendiri; antaranya, masyarakat akan menganggap guru hanya mementingkan ilmu bukannya amalan; bahkan lebih teruk lagi, mereka akan menganggap bahawa ilmu para guru itu tidak memberi manfaat kerana tidak membawaikan amalan dan ibadat serta akhlak yang baik.

Tambahan lagi, Abū Ḥanīfah menegaskan bahawa guru adalah contoh kepada para pelajar dan orang awam. Jadi, kualiti amalan para guru akan memberi kesan kepada pelajar kerana mereka dapat belajar dan mencontohnya. Abū Ḥanīfah berkata:

وَأَكْثَرُ ذِكْرِ اللَّهِ تَعَالَى فِيمَا بَيْنَ النَّاسِ لِيَتَعَلَّمُوا ذَلِكَ
مِنْهُ، وَاتَّخِذْ لِنَفْسِكَ وَرَدًا خَلْفَ الصَّلَوَاتِ؛ تَقْرَأُ فِيهِ
الْقُرْآنَ وَتَذَكَّرُ اللَّهَ تَعَالَى وَتَشَكَّرُ عَلَى مَا أُودِعَ مِنْ
الصَّبْرِ وَأَوْلَاهُ مِنْ النَّعْمَ. وَاتَّخِذْ لِنَفْسِكَ أَيَامًا مَعْدُودَةً
مِنْ كَلْ شَهْرٍ تَصُومُ فِيهَا لِيَقْتَدِيَ غَيْرُكَ بِلَّا .

Hendaklah kamu memperbanyak zikir kepada Allāh Ta‘āla di hadapan manusia lain supaya mereka dapat mempelajarinya daripadamu, kamu juga hendaklah melazimkan sesuatu wirid bagi

52. Al-Makkī, *Manāqib*, 373; al-Kurdānī, *Manāqib*, 367; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 430; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 164.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

dirimu sejurus setelah melakukan solat dengan membaca al-Qur'an, berzikir kepada Allāh Ta'āla, bersyukur kepada-Nya atas apa yang Dia telah berikan kepadamu daripada kesabaran dan juga apa yang Dia kurniakan kepadamu daripada [segala] kenikmatan. Hendaklah kamu memperuntukkan bagi dirimu berpuasa beberapa hari tertentu pada setiap bulan supaya orang lain juga mengikutimu.⁵³

Dalam petikan di atas, Abū Ḥanīfah berpesan kepada muridnya supaya sentiasa mengatasi orang awam dalam beribadat kepada Allāh, khasnya ibadat solat, zikir dan puasa. Jelas Abū Ḥanīfah lagi:

إِذَا أَذْنَتِ الْمُؤْذِنَ فَتَأْهِبْ لِدُخُولِ الْمَسْجِدِ كِيلَةٍ يَتَقدِّمُ
عَلَيْكُمُ الْعَامَةُ

Apabila bilal melaungkan azan (*adhdhana al-mu'adhdhin*), maka hendaklah kamu bersegera ke masjid supaya orang awam tidak mendahului kamu.⁵⁴

Demikian penekanan Abū Ḥanīfah terhadap amalan dan akhlak guru sebagai adab yang perlu diberi perhatian. Ini selaras dengan pandangan beliau berkenaan tujuan pendidikan Islam dan betapa seseorang guru yang bertanggungjawab mengajar pelajar mencapai tujuan tersebut perlu menjadi contoh dan teladan kepada mereka. Abū Ḥanīfah juga menjelaskan bahawa pengajaran memerlukan keikhlasan yang mendalam dan ini akan tergambar pada amalan para guru. Keikhlasan ini akan menjadikan aktiviti pengajaran sebagai suatu ibadat dan akan mendapat pahala berpanjangan. Ia bukanlah suatu aktiviti yang dilakukan sebagai sarana untuk memperoleh harta dan kekayaan duniawi semata-mata. Dari sudut yang lain, mempertingkatkan amalan

53. Al-Makkī, *Manāqib*, 374; al-Kurdarī, *Manāqib*, 367–8; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 431; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 165.

54. Al-Makkī, *Manāqib*, 376; al-Kurdarī, *Manāqib*, 369; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 433; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 166.

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

ini juga boleh dikaitkan dengan pengamalan apa yang diajar termasuk dalam hal akhlak dan kehidupan sehari-hari agar ia dapat menampilkan suatu contoh langsung kepada penuntut khasnya dan masyarakat awam amnya.

Sentiasa bercakap berkaitan ilmu dan adabnya

Abū Ḥanīfah juga berpesan agar para guru sentiasa memerhatikan percakapan mereka dengan bercakap tentang perkara yang berkaitan dengan ilmu dan bukan tentang perkara yang sia-sia. Abū Ḥanīfah berkata:

ولا تتكلم بين يدي العامة إلا بما تأسّل عنه، وإيالك
والكلام في العامة والتجار إلا بما يرجع إلى العلم كيلا يوقف
على حبلٍ ورغبتٍ في المالِ

Jangan kamu bercakap di hadapan orang awam (*al-āmmah*) melainkan tentang perkara yang mereka tanyakan, dan berjaga-jagalah daripada bercakap dengan mereka dan golongan peniaga melainkan tentang perkara yang berkait rapat dengan ilmu supaya kesukaan dan keinginan kamu tidak cenderung (*kaylā yuwaqqaf 'alāhubbika wa rughbatika*) kepada harta.⁵⁵

Para guru hendaklah menjauhkan diri daripada percakapan sia-sia sama ada dengan orang awam ataupun golongan peniaga. Ini kerana perbualan yang terlalu banyak dibimbangi akan membawa kepada keburukan dan dosa, seperti mengumpat dan fitnah. Sikap sebegini akan dihormati oleh masyarakat. Abū Ḥanīfah berkata:

ولا تستخف بالناس ووقرنفسل ووقرهم، ولا تكثر معاشرتهم
إلا بعد أن يعاشروك، وقابل معاشرهم بذكر المسائل،
فإنه إنْ كان من أهله اشتغل بالعلم، وإن لم يكن
من أهله أحبل.

55. Al-Makkī, *Manāqib*, 373; al-Kurdarī, *Manāqib*, 369; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 433; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 167.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

Jangan kamu mempersendakan manusia [lain], hormatilah dirimu dan mereka. Jangan kamu banyak bergaul [dengan] mereka melainkan setelah mereka [datang] berhubungan dengan kamu, terimalah pergaulan mereka dengan cara membincangkan beberapa masalah. Sesungguhnya jika dia daripada ahlinya (ilmu), nescaya mereka akan sibuk dengan ilmu, dan seandainya mereka bukan daripada ahlinya (ilmu), [nescaya] mereka akan mengasihimu.⁵⁶

Selain itu, Abū Ḥanīfah menekankan bahawa para guru sepatutnya melayan soalan yang dikemukakan kepadanya. Jawapan yang diberikan hendaklah bertepatan dengan soalan yang dikemukakan supaya tidak mengelirukan. Begitu juga, jawapan mestilah secara langsung tentang apa yang ditanya, bukannya digabungkan dengan beberapa masalah lain. Abū Ḥanīfah menyebut:

وَمَنْ جَاءَ لِيْسَ فِي الْمَسَائِلِ فَلَا تُجَبِ إِلَّا
عَنْ سُؤَالِهِ، وَلَا تُضْمَنَ إِلَيْهِ غَيْرُهُ، فَإِنَّهُ يَشُوشُ عَلَيْكَ جَوَابَ
سُؤَالِهِ.

Sesiapa yang datang kepadamu [untuk] meminta pendapat (*yastafīka*) mengenai beberapa masalah, maka janganlah kamu menjawab melainkan soalannya [sahaja] dan jangan kamu menghim-punkan dengan [soalan-soalan] yang lain, kerana sesungguhnya ini akan mengelirukan kamu ketika [mengejukkan] jawapan kepada soalannya.⁵⁷

Berkenaan adab menjawab soalan, Abū Ḥanīfah menekankan supaya jawapan yang dikemukakan hendaklah jelas dan memuaskan orang yang mengajukan soalan. Beliau

56. Al-Makkī, *Manāqib*, 373; al-Kurdarī, *Manāqib*, 366; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 430; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 163.

57. Al-Makkī, *Manāqib*, 373; al-Kurdarī, *Manāqib*, 367; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 430; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 163.

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

melarang soalan itu dijawab pada tempat yang tidak sesuai dan mengemukakan jawapan yang menghina para guru yang lain. Abū Ḥanīfah berkata:

وَإِنْ اسْتَفْتُوكُمْ فِي الْمَسَائِلِ فَلَا تَنْاقِشُهُمْ فِي
الْمَنَاظِرَاتِ وَالْمَطَارِحَاتِ، وَلَا تذكُرْهُمْ شَيْئًا إِلَّا عَنْ دَلِيلٍ
واضِحٍ، وَلَا تُطْعِنُ فِي أَسَاتِدِهِمْ فَإِنَّهُمْ يَطْعَنُونَ فِيْكُمْ،
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: وَلَا تَسْأُلُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ
اللَّهِ فَيَسْبُو اللَّهَ عَذْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ⁵⁸

Jika sekiranya mereka meminta pendapat dari-pada kamu mengenai sesuatu masalah, jangan kamu sampaikan kepada mereka dalam [majlis] perdebatan dan perbahasan (*al-munāẓarāt wa al-muṭāraḥāt*), dan jangan kamu sampaikannya melainkan bersumberkan dalil yang jelas. Jangan [pula] kamu mencela guru-guru mereka kerana sesungguhnya kelak mereka juga akan mencelamu. Allāh Ta‘āla berfirman: “Dan janganlah kamu mencera pengkara-perkara yang mereka sembah, yang selain daripada Allāh, kerana mereka kelak akan mencera Allāh secara melampau batas dengan ketidaan pengetahuan.”⁵⁸

Selain itu, Abū Ḥanīfah juga menjelaskan adab seorang guru dalam percakapan dan pengajarannya. Mereka hendaklah sentiasa membincangkan ilmu yang sesuai dengan pelajar atau masyarakat pendengar. Seseorang guru dilarang menyampaikan ilmu yang tidak sesuai dan mengelirukan pelajar yang baru serta orang awam. Beliau menyatakan:

وَإِنَّكُمْ أَنْ تَكُونُوا أَعْلَمُ الْعَامَةِ فِي أَصْوَلِ الدِّينِ مِنَ الْكَلَامِ
فَإِنَّهُمْ قَوْمٌ يَقْدِلُونَكُمْ فَيَشْتَغِلُونَكُمْ بِذَلِكَ.

Berawaslah kamu daripada berbincang dengan orang awam mengenai perkara agama (*uṣūl al-dīn*)

58. *Al-An̄ām* (6): 108; al-Makkī, *Maṇāqib*, 374; al-Kurdarī, *Maṇāqib*, 367; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 430; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Sāniyyah*, 164.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

yang terdiri daripada perbahasan Ilmu Kalam [yang mendalam], kerana sesungguhnya mereka adalah kaum yang akan mengikutimu, maka mereka akan menyibukkanmu dengan perkara (perbahasan) tersebut.⁵⁹

Di sini Abū Ḥanīfah menyarankan agar guru memberi perhatian terhadap apa yang disampaikan supaya ia betul-betul dapat difahami oleh pelajar.

Dalam riwayat yang lain, Abū Ḥanīfah pernah melarang anaknya terlibat dalam perbahasan dan perdebatan tajaan para pengeliru agama yang ingin mengelirukan umat Islam. Al-Bazzārī menceritakan:

Sesungguhnya Abū Ḥanīfah mendapati anaknya Ḥammād berdebat dalam permasalahan Ilmu Kalam, lalu beliau mencegahnya. Para muridnya bertanya: “Kami dapati kamu sering berdebat tentangnya, kenapa pula kamu mencegah kami?”; maka Abū Ḥanīfah menjawab: “Adalah kami apabila berdebat seolah-olah di atas kepala kami terdapat seekor burung kerana bimbang lawan kami tergelincir kepada kekufur'an, manakala apabila kamu berdebat, kamu mahu menjatuhkan lawan kamu; sesiapa yang ingin menjatuhkan lawannya maka sesungguhnya beliau ingin mengkafirkan lawannya, dan sesiapa yang ingin mengkafirkan lawannya, beliau terlebih dahulu kafir sebelum berjaya mengkafirkan lawannya.”⁶⁰

Dalam petikan ini, Abū Ḥanīfah melarang mereka yang tidak layak daripada terlibat dalam perdebatan kerana dikhuatiri akan menjadi keliru dalam agama. Oleh sebab inilah juga beliau melarang para guru membincangkan perkara yang tidak sesuai dengan pemikiran pendengar. Dengan kata lain, Abū

59. Al-Makkī, *Manāqib*, 373; al-Kurdarī, *Manāqib*, 367; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 430; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 163.

60. Dipetik daripada Abū Zahrah, *Abū Ḥanīfah*, 24; lihat juga Iblāgh, *al-Imām al-A'zam*, 89.

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

Ḥanīfah amat menekankan agar para guru mengetahui tahap pemikiran pelajar dan meraikannya dalam menyampaikan pengajaran.

Adab ini amat penting dan relevan kerana pada setiap masa sentiasa ada golongan yang suka menonjolkan diri dengan ilmu yang mereka miliki sehingga tanpa disedari mereka mungkin mendedahkan suatu ilmu yang tidak sepatutnya diperkatakan dalam khalayak tertentu. Dalam konteks perkembangan media dan trend popular dalam pengajian Islam kini, isu ini amat kritikal apatah lagi jika ia menimbulkan krisis kefahaman umat Islam, khususnya golongan awam. Ini berlaku apabila setiap yang menganggap dirinya sebagai ulama suka menonjolkan pandangan-pandangan yang pelik dan bersalah dengan apa yang sedia maklum dalam kalangan masyarakat hanya kerana untuk menampilkannya atau demi mengkritik sesuatu pandangan yang dirasakan salah.

Sentiasa memberi perhatian dan motivasi kepada pelajar

Adab keempat yang dinyatakan oleh Abū Ḥanīfah berkaitan para pelajar yang menuntut ilmu. Adab guru terhadap pelajar juga penting kerana guru yang baik turut mengambil berat tentang pelajar mereka. Antaranya, Abū Ḥanīfah mengatakan:

وأقبَلَ مُتَفَهِّيَاءٌ كَائِنٌ اتَّخَذَتْ كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمْ أبْنَا
وَوَلَدًا لِتَرْيِدُهُمْ رَغْبَةً فِي الْعِلْمِ .

Terimalah mereka yang ingin menuntut ilmu daripadamu (*mutafaqqahīka*) seolah-olah kamu mengambil setiap seorang daripada mereka sebagai anak[mu] agar kamu dapat mempertingkatkan lagi motivasi (*rughbah*) mereka terhadap ilmu.⁶¹

61. Al-Makkī, *Manāqib*, 373; al-Kurdarī, *Manāqib*, 367; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 430; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 163.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

Abū Ḥanīfah menyarankan agar para guru bukan sahaja mengambil berat tentang pelajar tetapi juga menganggap para pelajar sebagai sebahagian daripada anak mereka. Sikap guru yang sedemikian akan meningkatkan motivasi para pelajar untuk terus mendalami ilmu pengetahuan. Hubungan guru-pelajar sebegini sepatutnya menjadi adab yang dihayati oleh para guru semasa mendidik para pelajar mereka. Dalam konteks ini guru bukan hanya bertindak sebagai pengajar ilmu semata-mata, bahkan pada masa yang sama turut berfungsi sebagai perunding dan pendorong yang langsung ke atas muridnya. Dengan cara demikian, seseorang guru membimbing sekaligus mendidik (*ta’dīb*) muridnya dengan lebih sempurna, bukan sahaja dalam aspek intelektual dan ilmiah tetapi turut merangkum pembinaan saksiah dan akhlak pelajar.

Sentiasa mendoakan dan menziarahi para guru

Adab yang kelima yang dikemukakan oleh Abū Ḥanīfah ialah adab seorang guru dengan guru mereka terdahulu yang telah berjaya mendidik mereka. Ini juga menjadi adab yang penting supaya para guru sentiasa mengingati dan mengenang jasa gurunya yang terdahulu yang berusaha mendidik mereka. Hal ini akan menimbulkan rasa hormat kepada guru dan wujud hubungan yang baik antara kedua-duanya. Antara cara-cara menunjukkan seseorang itu beradab terhadap gurunya adalah dengan sentiasa mendoakan keampunan buat mereka dan sentiasa menziarahi mereka. Abū Ḥanīfah menyatakan:

واذكر الموت واستغفر الله لأساتذتك ومن أخذت عنهم
العلم، ودؤام على التلاوة وأكثر زيارة القبور والمشايخ والمواضع
المباركة.

Kamu hendaklah [sentiasa] mengingati kematian, memohon keampunan daripada Allāh untuk guru dan untuk mereka yang telah kamu pelajari ilmunya, berterusan membaca [al-Qur’ān] dan banyak men-

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

ziarahi kubur-kubur, para guru (*mashāyikh*) serta tempat-tempat yang berkat.⁶²

Abū Ḥanīfah menyatakan bahawa di samping berdoa untuk diri mereka sendiri, para guru juga patut mendoakan keampunan buat guru-guru mereka dan menziarahi mereka. Perkara ini dilakukan oleh Abū Ḥanīfah sendiri terhadap para guru beliau. Terdapat beberapa riwayat yang menjelaskan hal ini, antaranya adalah pemerihalan Muḥammad bin Zayd bin ‘Āmir:

Aku dengar Abū Ḥanīfah berkata: “Sesungguhnya aku bahagikan amalan aku kepada tiga bahagian: satu pertiga untuk aku; satu pertiga untuk kedua ibubapaku; dan satu pertiga lagi untuk Ḥammād (guruku).”⁶³

Dalam riwayat lain, Abū Ḥanīfah berkata:

Aku tidak menunaikan solat selepas kewafatan Ḥammād melainkan aku meminta keampunan buatnya bersama dengan kedua ibubapaku, aku juga mohon keampunan untuk sesiapa yang mengajarkanku ilmu (guru-guru) dan kepada mereka yang aku ajarkan kepadanya ilmu (murid-murid).⁶⁴

Petikan-petikan ini jelas menunjukkan bahawa antara adab-adab guru adalah mengingati jasa gurunya terdahulu dengan sentiasa berdoa buat mereka. Hal ini ditekankan oleh Abū Ḥanīfah sebagai usaha untuk memperolehi keberkatan ilmu yang telah dicurahkan oleh guru mereka terdahulu. Beliau bukan sahaja menyarankan para muridnya beradab

62. Al-Makkī, *Manāqib*, 375; al-Kurdarī, *Manāqib*, 368–9; ibn Nujaym, *al-Ashbāh*, 433; dan al-Tamīmī, *Tabaqāt al-Saniyyah*, 166.

63. Al-Saymārī, *Akhbār*, 63.

64. Dipetik daripada Muṣṭafā al-Shak‘ah, *Imām al-‘Zam Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān* (Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnāniyyah, 1983), 67.

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

seperti itu, bahkan beliau sendiri telah menunjukkan contoh bagaimana hubungan beliau dengan para gurunya sebagaimana yang dinukilkhan dalam dua riwayat di atas. Apa yang menarik direnungi daripada petikan-petikan tersebut adalah penekanan Abū Ḥanīfah tentang betapa pentingnya doa seorang guru turut ditujukan kepada muridnya. Justifikasinya jelas kerana seseorang guru biasanya menginginkan agar muridnya berjaya dan diberkati dalam ilmu dan kehidupan. Oleh itu, doa seorang guru penting demi hasrat ini kerana doa guru boleh diumpamakan seperti doa seorang bapa untuk anaknya. Apatah lagi Abū Ḥanīfah sendiri ada menyarankan agar seseorang guru itu menganggap para murid seperti anaknya sendiri sebagaimana yang dijelaskan di atas.

Sikap seseorang guru terhadap para gurunya ini amat penting diberi penekanan kerana kesannya yang besar dalam pendidikan. Seorang guru yang tidak menghormati gurunya secara tidak langsung telah mengajar muridnya supaya tidak menghormatinya kelak. Seseorang guru yang tidak menghormati gurunya adalah seorang yang bongkak dan sompong dan kedua-dua sifat ini adalah antara sifat-sifat tercela, apatah lagi bagi seorang ilmuwan. Bahkan tidak mustahil jika dikatakan bahawa krisis adab kini, dalam pendidikan khasnya dan dalam masyarakat amnya, adalah ekoran daripada kebiadaban para guru terhadap guru-guru mereka masing-masing.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa adab guru merupakan perkara dan persoalan yang penting dalam sistem pendidikan. Kepentingan ini menyebabkan para sarjana Islam menggariskan adab-adab yang sepatutnya dihayati oleh seseorang guru. Hal ini juga dapat dilihat secara jelas dalam karya Abū Ḥanīfah, khasnya *Wasiyyah Imām Abī Ḥanīfah li Abī Yūsuf* yang dibincangkan secara khusus dalam

Adab-adab Guru menurut Imām Abū Ḥanīfah

makalah ini. Kelima-lima adab guru yang diketengahkan di sini merupakan hanya sebahagian daripada sejumlah adab yang banyak yang diperkatakan dalam tradisi pendidikan dalam Islam. Antara adab-adab lain selain daripada apa yang dinyatakan di sini adalah adab guru dengan pemerintah, adab guru dengan para ilmuwan yang lain, adab guru dengan orang yang lebih tua, adab guru dengan orang awam, adab guru dalam memperbaiki kesalahan murid, dan juga adab guru dalam menasihati para pemerintah. Semua ini menunjukkan betapa warisan pendidikan Islam kaya dengan falsafah yang baik dan lengkap untuk diketengahkan dan dilaksanakan dalam sistem dan amalan pendidikan semasa.

Kelima-lima adab yang dikemukakan di sini merupakan adab yang amat diberi perhatian oleh Abū Ḥanīfah agar tujuan pendidikan Islam dapat dicapai oleh pelajar dengan sempurna. Kajian ini diharapkan dapat menjelaskan ciri-ciri sebenar guru cemerlang menurut pandangan Islam yang dapat dijadikan panduan oleh mereka yang terlibat dalam bidang pendidikan. Indeks kecemerlangan guru sepatutnya melihat sejauh mana guru melazimi sejumlah adab yang telah dijelaskan oleh tokoh-tokoh pendidikan Islam yang terbukti kesarjanaan dan keunggulan mereka dalam mendidik para generasi terkemudian, termasuk tokoh yang dibincangkan secara khusus di sini, iaitu Imām Abū Ḥanīfah. Dapatan kajian ini juga diharapkan akan menjadi suatu panduan yang amat penting dan bermanfaat kepada umat Islam sekarang dalam menyelesaikan permasalahan adab yang berkaitan disiplin dan personaliti guru di sekolah, kolej, dan universiti. Apatah lagi akhir-akhir ini timbul banyak isu kritikal berkaitan adab guru-murid yang menyumbang kepada pelbagai masalah lain selanjutnya; misalnya, masalah di sekolah-sekolah yang berhubung dengan penderaan murid oleh guru sekali gus kebiadaban murid terhadap guru, atau masalah di institusi pengajian tinggi yang melibatkan ketidasungguhan para pensyarah dalam membimbing mahasiswa selain tindakan mempergunakan mereka untuk kepentingan diri pensyarah

M. Anuar & W. Suhaimi / TAFHIM 7 (2014): 97–130

sendiri, manakala para mahasiswa pula angkuh dan sompong terhadap para pensyarah mereka. Semua isu ini dan yang seumpamanya lahir ekoran daripada kurangnya perhatian terhadap isu adab guru-murid ini. Yang lebih kritikal adalah meluasnya pengaruh materialisme dan penekanan terhadap kerjaya semata-mata dalam pendidikan yang akhirnya memesongkan minda umum, termasuk para guru dan murid, dari matlamat sebenar pendidikan untuk membina individu dan generasi insan yang baik dan mulia.